

Gadis IPT ketagih mencuri

Hidup mewah dengan barangan berjenama meskipun baru 18 tahun

SOALAN

SAYA belajar di sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan yang mementingkan cara hidup mewah dan bergaya. Pada usia 18 tahun, saya sudah memiliki kereta, komputer riba, wang simpanan yang banyak dan telefon bimbit mahal.

Malangnya, semua barang itu saya beli dengan mencuri. Keinginan untuk memiliki barangan yang berjenama dan keluarga yang tidak mampu mendesak saya menjalankan kegiatan mencuri.

Untuk pengetahuan Dr, saya mula mencuri 10 tahun lalu

dan kini saya ketagih untuk melakukannya. Saya berasa bersalah dan sedar tidak sepatutnya melakukan perkara itu.

Saya mahu kembali ke pangkal jalan dan berhasrat untuk memulangkan semua barangan serta duit dicuri itu. Saya juga ingin menghilangkan ketagihan ini. Apakah yang harus saya lakukan?

PELAJAR KETAGIH,
Johor

Jawapan

KEINGINAN adik untuk berubah dan meninggalkan ketagihan mencuri itu perlu diiringi dengan keazaman

yang kuat serta tindakan positif. Selain itu, adik perlu yakin mampu melakukan perubahan.

Dr sedar bukan mudah untuk menghilangkan ketagihan mencuri dalam tempoh singkat kerana adik sudah mencuri selama 10 tahun. Namun, ia perlu dilakukan kerana jika adik terus mencuri, perbuatan itu akan memerangkap diri sendiri.

Dalam hal ini, tiada siapa yang memaksa adik untuk melakukan perkara ini sebaliknya adik melakukannya disebabkan keinginan hidup mewah dan memiliki

barangan mahal sedangkan keluarga tidak mampu.

Memiliki barangan berjenama serta mewah bukanlah satu keperluan, tetapi keinginan dan adik boleh meneruskan hidup tanpa barangan ini.

Justeru, adik perlu memberitahu diri sendiri bahawa memakai barangan berjenama bukanlah satu keperluan lebih-lebih lagi dengan mencuri.

Selain itu, adik perlu sentiasa ingat, andai ditangkap kerana mencuri ia akan memalukan adik dan sepandai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah. Kesan negatif mencuri bukan saja kepada diri, tetapi juga keluarga serta nama baik institusi tempat adik belajar.

Mencuri adalah berdosa dari segi agama dan ketagihan mencuri itu adalah satu jenayah yang boleh merugikan banyak pihak. Berdasarkan saksi yang adil, pencuri akan dihukum.

Daripada Abu Hurairah r.a daripada Nabi s.a.w sabdanya: "Allah mengutuk pencuri yang mencuri sebiji telur, lalu dipotong tangannya manakala pencuri seutas tali, lalu dipotong tangannya."

Firman Allah menerusi ayat

38 surah al-Maidah, maksudnya: "Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai balasan dengan sebab apa yang mereka usahakan (juga sebagai) suatu hukuman pencegah daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana."

Oleh itu, untuk menghilangkan ketagihan mencuri, ada beberapa kaedah yang boleh diikuti. Antaranya ialah melalui mengenakan denda, memberi ganjaran, peneguhan dan pelupusan.

Mengenaikan denda dilakukan untuk melemahkan atau mengurangkan berulang-ulangnya tingkah laku yang tidak diingini. Ini kerana dengan mengenakan denda, ia boleh membawa kepada pengurangan kekerapan berlakunya sesuatu tingkah laku tidak diingini.

Jadi, adik boleh mengurangkan ketagihan dengan mengenakan denda kepada diri sendiri setiap kali selepas mencuri. Contohnya, mendeda diri dengan tidak menggunakan barangan atau duit yang dicuri.

Untuk lebih efektif, denda itu perlu dilakukan segera. Sebaik saja adik mencuri, denda diri untuk tidak membelanjakan wang yang dicuri. Puliangkan atau buang wang berkenaan.

Di samping itu, adik juga perlu tahu tujuan adik didenda. Beritahu diri denda itu dikenakan kerana ingin mengubah tingkah laku. Dalam konteks ini, adik mendenda diri kerana ingin menghilangkan ketagihan mencuri.

Satu lagi kaedah yang boleh adik lakukan ialah melalui peneguhan negatif. Peneguhan negatif ialah tindak balas serta-merta yang boleh menyakitkan disebabkan melakukan kesalahan. Seperti contoh, seorang anak yang liat melakukan kerja sekolah diberikan guru terpaksa menyilapkannya kerana bosan dileteri bapanya.

Dalam melaksanakan peneguhan negatif ini, adik boleh meminta bantuan rakan untuk memarahi adik setiap kali adik mencuri. Jika rasa malu untuk meminta bantuan rakan, marah diri sendiri.

Beritahu juga kepada diri perbuatan mencuri itu adalah dosa dan ia tindakan bodoh kerana merosakkan diri sendiri. Selain itu, sentiasa membayangkan kesan negatif jika tertangkap. Kesannya bukan saja kepada diri, tetapi keluarga dan institusi tempat adik belajar.

Cara seterusnya dalam menghilangkan ketagihan ialah melalui pelupusan. Pelupusan bermaksud perlakuan yang tidak diberi peneguhan akan lupalu dengan sendirinya.

Maksudnya jika adik tidak menggunakan wang atau kereta yang dicuri, adik akan menyedari tidak guna mencuri kerana segala yang dicuri tidak boleh digurakan.

Semoga adik akan berjaya mengurangkan tabiat berkecuaan dan akhirnya menghilangkan ketagihan mencuri. Tiada baiknya perbuatan mencuri kerana pada akhirnya, ia akan membinasakan diri. Dr doakan satu hari nanti adik akan menjadi insan yang penuh integriti.



HUKUM... setiap pencuri tidak dapat melepaskan diri daripada tindakan undang-undang.